

Akta Siasatan Jenayah (Mengenalpasti Orang) 2002 (CIIPA)

Pada bulan November 2013, Kerajaan Australia Barat meluluskan ***Akta Siasatan Jenayah (Mengenalpasti Orang) Pindaan 2013 (CIIPA)***. Pindaan ini memasukkan kuasa baharu dalam seksyen 16 CIIPA. Kuasa yang baharu dalam CIIPA ini dimaksudkan supaya Pegawai Polis boleh menyuruh seseorang membuka tudung muka atau melakukan sesuatu yang secara munasabah perlu untuk melihat muka orang itu bagi mengenal pasti dirinya.

Pihak media memberi perhatian kepada pindaan ini sebagai "undang-undang Burqa", kerana kuasa mengenal pasti orang telah disemak semula oleh Polis Australia Barat menyusuli kehebohan kejadian seorang wanita memakai Burqa di New South Wales. Kami dapati ada situasi tertentu dan kelemahan dalam undang-undang Australia Barat yang menghadkan kemampuan polis untuk mengenal pasti orang dengan sewajarnya.

Pindaan ini memperbaiki kelemahan tersebut.

Undang-Undang Berkenaan

Seksyen 16(4A) CIIPA memberi kuasa kepada polis untuk meminta seseorang membuka atau membetulkan tudung muka yang dipakai, atau meminta dia melakukan hal lain yang munasabah, supaya muka orang itu dapat dilihat dan butir-butir peribadi yang diberikan dapat disahkan betul.

Tafsiran

Tudung muka sangat luas tafsirannya, termasuk apa jua yang dipakai sehingga menutup sepenuh atau sebahagian muka seseorang. Contohnya termasuk topi, topi keledar, dan kaca mata hitam atau topeng muka. Juga termasuk orang yang memakai cat muka atau bahan solek sehingga berubah rupanya atau tersembunyi sesuatu ciri pengenalan pada mukanya.

Soalan Lazim

Bilakah pihak polis boleh meminta saya membuka tudung muka?

Seksyen 16 *Akta Siasatan Jenayah (Mengenalpasti Orang) 2002* membolehkan pegawai polis meminta butir-butir peribadi seseorang, kemudian meminta melihat muka orang itu, sekiranya pegawai itu wajar mengesyaki:

- orang itu telah melakukan, sedang melakukan, atau hampir melakukan kesalahan; atau
- orang itu mungkin dapat membantu siasatan tentang sesuatu kesalahan atau yang disyaki kesalahan.

Pada amalnya, pegawai polis boleh menyuruh tudung muka dibetulkan atau ditanggalkan sama ada berkaitan dengan kesalahan berat atau ringan, dan juga jika orang itu dikenakan saman atau melakukan kesalahan lalu lintas yang kecil, misalnya pandu laju.

Apakah tanggungjawab saya apabila disuruh membuka tudung muka?

Anda diwajibkan membuka atau membetulkan tudung muka supaya dapat membantu Pegawai Polis mengenal pasti diri anda. Ertinya, seberapa banyak bahagian tudung muka yang menutup seluruh atau sebahagian muka anda harus dibuka atau dibetulkan.

Pegawai Polis hanya meminta tudung muka dibuka atau dibetulkan seberapa yang perlu untuk mengenal pasti diri anda. Hal ini mungkin termasuk membandingkan gambar anda dalam dokumen pengenalan diri yang diterima dan sah, misalnya Lesen Memandu atau Pasport.

Anda juga dikehendaki menunggu bersama pegawai polis sehingga anda patuh permintaannya dan dia dapat mengesahkan betulnya butir-butir peribadi yang anda berikan.

Bagaimana jika wajah saya tidak serupa dengan gambar Lesen Memandu atau Pasport? Adakah Polis nanti menyuruh saya membuka atau membetulkan tudung muka semata-mata supaya sesuai dengan gambar tersebut?

Jika pada waktu itu anda diperlukan membuka atau membetulkan tudung muka untuk dikenal pasti, Polis akan menyuruh anda berbuat begitu. Gambar dalam lesen memandu atau pasport dapat membantu polis mengenal pasti diri anda.

Bolehkah saya meminta supaya orang yang sejenis dengan saya sahaja berada di situ apabila saya membuka tudung muka?

Sejajar dengan dasar pihak polis, pegawai polis diwajibkan memberi anda privasi yang munasabah. Jika ada pegawai yang sejenis, pegawai itu mesti melakukan pengenalpastian.

Namun, atas pertimbangan operasi dan praktikal, tidak mungkin kami dapat mewajibkan pegawai wanita hadir dalam setiap situasi.

Apa yang terjadi jika tiada pegawai sejenis? Adakah saya masih wajib mematuhi arahan?

Ya, anda masih wajib mematuhi arahan. Tetapi, sejajar dengan dasar pihak polis, segala langkah munasabah mesti diambil demi menghormati maruah dan privasi anda. Kecuali ada keperluan keselamatan, prosedur pengenalpastian mesti dilakukan di hadapan seorang pegawai sahaja.

Privasi saya bagaimana?

Pegawai Polis yang membuat arahan itu akan memberikan anda privasi yang munasabah dalam keadaan sedemikian. Jika munasabah, Pegawai Polis mungkin membenarkan privasi tambahan untuk anda, misalnya datang ke balai polis untuk membetulkan atau membuka tudung muka.

Tetapi, jika permintaan privasi tidak dapat dipenuhi dalam keadaan demikian, anda masih juga wajib mematuhi suruhan Pegawai Polis.

Menurut dasar pihak Polis, apabila berurusan dengan mereka yang memakai tudung muka atas sebab budaya atau agama, Pegawai Polis mesti bertindak sensitif terhadap kepercayaan mereka.

Apakah yang terjadi jika saya enggan patuh?

Anda melakukan kesalahan jika tidak mahu menanggalkan atau membetulkan tudung muka apabila diarahkan oleh pegawai polis. Jika tidak patuh, anda boleh ditangkap dan didakwa.

Hukuman maksimum bagi kesalahan ini adalah penjara 12 bulan.

Bolehkah saya meminta pegawai polis menerangkan arahannya?

Ya, anda boleh meminta supaya arahan membetulkan atau membuka tudung muka itu diterangkan oleh Pegawai Polis. Secara umum, Pegawai Polis memang patut menerangkan arahan seperti itu.

Jika anda sukar memahami bahasa Inggeris, jurubahasa mungkin disediakan bagi membantu meyakinkan pegawai polis bahawa anda faham suruhannya dan mengapa anda disuruh berbuat begitu.